

Tiada pilihan lain - Dr. M

(P)

Oleh
SOPHA SULAIMAN
J.M. 14 AUG 1993

JITTA 13 Ogos — Kerajaan tidak mempunyai pilihan lain kecuali mempercepatkan pembangunan industri di negara ini walaupun ada pihak berpendapat Malaysia tidak perlu tergesa-gesa untuk menjadi sebuah negara industri, kata Dato' Sri Dr. Mahathir Mohamad hari ini.

Perdana Menteri berkata, sekiranya kerajaan me-

ngambil keputusan memperlabankan pembangunan industri, kebolehan dan kemampuan rakyat dalam bidang itu akan terus berada pada tahap yang rendah.

“Oleh itu, kita perlu mempercepatkan pembangunan industri kerana dengan cara demikian sahaja pemikiran rakyat dapat bergerak pantas dan mereka tidak akan terus ketinggalan,” katanya.

Perdana Menteri menolak anggapan kononnya

Malaysia tidak boleh muncul sebuah negara perindustrian dengan cepat kerana penduduknya terutama masyarakat Melayu tidak mampu bersaing.

Bagaimanapun, jelasnya, dakwaan itu tidak benar kerana hari ini, Malaysia telah muncul sebagai pengeluar terbesar barang-barang pembuatan dan kekayaan negara juga bergantung kepada industri perkilangan.

Perdana Menteri berkata demikian semasa beru-

cap pada majlis perjumpaan rakyat di Dewan Jitra, hari ini.

Dr. Mahathir yang juga ahli Parlimen Kubang Pasu menyatakan negara tidak mungkin akan mencapai pertumbuhan ekonomi yang pesat seperti sekarang sekiranya kerajaan masih bergantung kepada hasil getah, bijih dan kelapa sawit.

Malah, kata Mahathir, sejak negara mengalami pertumbuhan ekonomi yang pesat, kerajaan telah

berjaya melahirkan ramai kaum bumiputera dalam pelbagai bidang termasuk mereka yang memiliki syarikat-syarikat perniagaan besar.

Perdana Menteri menegaskan, dalam usaha orang Melayu merebut peluang perniagaan yang semakin banyak, kaum lain tidak perlu disekat untuk mencari kekayaan ekonomi.

Katanya, untuk menjalakan sesuatu perniagaan, kaum-kaum lain juga memerlukan kerjasama

dan bantuan daripada rakan bumiputera serta institusi kewangan yang dimiliki bumiputera.

Dr. Mahathir menjelaskan, kemajuan yang dicapai oleh negara dalam masa yang singkat telah menarik minat rakyat asing untuk datang bekerja di negara ini, sehingga mereka sanggup membayar dan menyabung nyawa di laut.

Beliau bagaimanapun meminta pengorbanan rakyat supaya mereka terus bekerja kuat dan menentukan kedudukan negara sentiasa aman dan stabil.